

KEPUTUSAN DAN PENGAMATAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP KEPATUHAN PELAJAR KEPADA DISIPLIN SEKOLAH

Rozelaili Baharom^{1,a}, Mohd Akram Dahaman^{2,b}

¹School of Education and Modern Languages (SEML), College of Arts and Sciences (CAS)
Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, Malaysia

²School of Languages, Civilisation and Philosophy (SLCP), College of Arts and Sciences (CAS),
Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, Malaysia

^arozelaili@gmail.com, ^bakram@uum.edu.my

Kata kunci: Mata pelajaran Pendidikan Islam, masalah disiplin, pengamatan, keputusan ujian, kepatuhan.

Abstrak. Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan salah satu mata pelajaran wajib yang diajar di sekolah menengah dan rendah. Proses pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam sudah lama dijalankan agar dapat membentuk sikap serta melahirkan muslim yang bertanggungjawab dan berakhlak mulia, tetapi secara realitinya masalah disiplin pelajar semakin membimbangkan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat keberkesanan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam usaha meningkatkan disiplin pelajar dengan mengkaji hubungan antara keputusan dan pengamatan kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dengan kepatuhan kepada disiplin sekolah. Kajian ini juga mengkaji perbezaan kepatuhan kepada disiplin sekolah berdasarkan keputusan ujian mata pelajaran Pendidikan Islam. Seramai 132 orang pelajar tingkatan 2 Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun terlibat dalam kajian ini. Satu set soal selidik digunakan sebagai instrument kajian yang mengandungi 45 item dengan menggunakan pengukuran berskala Likert. Kaedah yang digunakan bagi menguji hipotesis dengan menggunakan Korelasi Pearson dan Analisis Varians (ANOVA). Data-data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Packages for the Social Sciences) versi 24.0. Hasil daripada kajian mendapati bahawa keputusan dan pengamatan pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepatuhan kepada disiplin sekolah. Terdapat juga perbezaan kepatuhan kepada disiplin sekolah berdasarkan keputusan ujian mata pelajaran Pendidikan Islam.

Pendahuluan

Mata Pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang dapat membentuk manusia bertanggungjawab di dunia dan akhirat. Menurut Abdullah Jusuh (1989), Setiap manusia yang beragama Islam bermatlamat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam untuk mendapatkan keredhaan dan keberkatan daripada Allah S.W.T. Disiplin pula merupakan kecemerlangan dan kejayaan setiap insan. Disiplin yang terdapat dalam diri setiap manusia sama penting dengan mencari ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam bidang tertentu. (Fazlina Abdul Halim, 2011).

Penyataan Masalah

Keruntuhan disiplin pelajar di sekolah pada masa kini sangat membimbangkan pelbagai pihak. Terdapat banyak laporan mengenai kesalahan disiplin pelajar yang disiarkan di akhbar-akhbar tempatan. Antaranya berdasarkan laporan akhbar Sinar Harian pada 24 Januari 2017, pelajar hanya pandai akademik tetapi kurang menghayati nilai moral khususnya agama. Pelajar terlalu mengejar jumlah A bagi mata pelajaran teras, manakala mata pelajaran Pendidikan Islam dipandang mudah. Bagi rata-rata pelajar, mata pelajaran Pendidikan Islam hanya perlu menghafal jawapan bagi soalan-soalan ramalan. Memetik laporan akhbar Sinar Online, 6 Mei 2017 tidak menafikan bahawa institusi-institusi agama termasuk maahad tahfiz dan sekolah-sekolah beragama tidak terkecuali dari masalah-masalah disiplin namun kes-kes begini juga berlaku di institusi-institusi lain juga. (Azimah Ghazali, 2017).

Persoalan Kajian

- Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kepatuhan pelajar kepada disiplin sekolah berdasarkan keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam?
- Adakah terdapat hubungan antara keputusan dan pengamatan pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dengan kepatuhan kepada disiplin sekolah?

Objektif Kajian


- Untuk mengenalpasti perbezaan kepatuhan pelajar kepada disiplin sekolah berdasarkan keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam.
- Untuk menganalisis hubungan antara keputusan dan pengamatan pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dengan kepatuhan kepada disiplin sekolah.

Hipotesis Kajian

- Ho 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepatuhan pelajar kepada disiplin sekolah berdasarkan keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam.
- Ho 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam dengan kepatuhan kepada disiplin sekolah.
- Ho 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengamatan pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dengan kepatuhan kepada disiplin sekolah.

Kerangka Kajian

Dalam membuat penyelidikan, reka bentuk tinjauan telah digunakan dalam kajian ini.



Rajah 1: Kerangka Kajian

Populasi dan Saiz Sampel. Populasi penyelidikan dalam kajian ini terdiri daripada pelajar beragama Islam tingkatan 2 di Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun di daerah luar bandar. Menurut Cohen (2001), jika populasi dalam lingkungan 153, saiz sampel yang diperlukan sebanyak 132 responden. Pelajar tingkatan 2 yang beragama Islam seramai 153 orang, maka saiz sampel seramai 132 orang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan.

Alat Ukur Kajian. Kajian ini telah menggunakan alat ukur kajian dalam bentuk soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A: Soal selidik demografi responden; Bahagian B: Soal selidik Pengamatan kepada mata pelajaran Pendidikan Islam responden dan Bahagian C: Tahap kepatuhan kepada disiplin sekolah.

Pembolehubah Kajian. Pembolehubah bebas bagi kajian ini merupakan keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam ujian setara dan tahap pengamatan pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam. Pembolehubah bersandar pula merupakan pembentukan pelajar yang patuh kepada disiplin sekolah. Item soal selidik yang dijawab oleh responden merupakan soalan berbentuk skala likert yang terdiri daripada 5 pilihan jawapan.

Prosedur Menganalisis Data. Data-data yang telah dikumpul dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* atau SPSS versi 24.0. Analisis data di dalam kajian ini adalah berdasarkan analisis deskriptif, Ujian Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) dan Ujian Korelasi (*Pearson Correlation*).

Dapatan Kajian

Keputusan ujian mata pelajaran Pendidikan Islam. Jadual 1 menunjukkan keputusan ujian setara mata pelajaran Pendidikan Islam pelajar tingkatan 2. Gred bagi mata pelajaran tersebut iaitu A, B, C, D dan E. Bilangan pelajar yang mendapat gred A seramai 5 orang iaitu sebanyak 3.8%. Bilangan pelajar yang mendapat gred B pula seramai 36 orang iaitu sebanyak 27.3%. Bilangan pelajar yang mendapat gred C seramai 59 orang iaitu sebanyak 44.7%. Bilangan pelajar yang mendapat gred D pula seramai 21 orang iaitu sebanyak 15.9% dan bilangan pelajar yang mendapat gred E seramai 11 orang iaitu sebanyak 8.3%.

Jadual 1: Taburan profil responden berdasarkan Keputusan Ujian Mata Pelajaran Pendidikan Islam.

Gred	Ujian Bilangan	Peratus
A	5	3.8
B	36	27.3
C	59	44.7
D	21	15.9
E	11	8.3

Ujian ANOVA (Analisis Varians)

Perbezaan Antara Kepatuhan Pelajar kepada Disiplin Sekolah berdasarkan keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam.

Jadual 2 menunjukkan Ujian *Levene* tidak signifikan ($p > .05$). Ini memenuhi andaian kehomogenan varians antara keputusan ujian mata pelajaran Pendidikan Islam dengan kepatuhan kepada disiplin sekolah.

Test of Homogeneity of Variances

Jadual 2: Test of Homogeneity of Variance

Kepatuhan Pelajar			
Levene Statistic	df1	df2	Sig.
2.220	4	127	0.070

Jadual 3 menunjukkan Ujian ANOVA signifikan $F(4,127) = 5.68, p < .05$ antara kepatuhan kepada disiplin sekolah berdasarkan keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam. Keputusan ini berjaya menolak H_0 dan menerima H_A . Ini menunjukkan terdapat sekurang-kurangnya satu min keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam berbeza dengan min keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam yang lain. Keputusan ini menunjukkan kepatuhan kepada disiplin sekolah berbeza mengikut keputusan ujian mata pelajaran Pendidikan Islam pelajar.

ANOVA

Jadual 3: Ujian ANOVA

Kepatuhan Pelajar					
	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	6.865	4	1.716	5.684	.000
Within Groups	38.345	127	.302		
Total	45.210	131			

Ujian Korelasi

Hubungan Antara Keputusan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Dengan Kepatuhan Kepada Disiplin Sekolah

Berdasarkan jadual 4, ujian korelasi menunjukkan keputusan ujian mata pelajaran Pendidikan Islam mempunyai hubungan yang signifikan ($r = .34, p < .01$) dengan kepatuhan kepada disiplin sekolah. Hubungan positif ini menunjukkan keputusan ujian mata pelajaran Pendidikan Islam yang tinggi mempunyai kepatuhan kepada disiplin sekolah yang tinggi, manakala pengamatan kepada mata pelajaran Pendidikan Islam yang rendah mempunyai kepatuhan kepada disiplin sekolah yang rendah. Hubungan antara pengamatan kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dengan kepatuhan kepada disiplin sekolah rendah ($r = .34$).

Jadual 4: Hubungan korelasi antara keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam dengan Kepatuhan Pelajar

		Keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam	Kepatuhan Pelajar
Keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam	Pearson Correlation	1	.343**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	132	132
Kepatuhan Pelajar	Pearson Correlation	.343**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	132	132

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Hubungan antara Pengamatan Pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dengan kepatuhan kepada Disiplin Sekolah.

Berdasarkan Jadual 5, ujian korelasi menunjukkan pengamatan pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam mempunyai hubungan yang signifikan ($r = .52, p < .01$) dengan kepatuhan kepada disiplin sekolah. Hubungan positif ini menunjukkan pengamatan kepada mata pelajaran Pendidikan Islam yang tinggi mempunyai kepatuhan kepada disiplin sekolah yang tinggi, manakala pengamatan pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam yang rendah mempunyai kepatuhan kepada disiplin sekolah yang rendah. Hubungan antara pengamatan kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dengan kepatuhan kepada disiplin sekolah sederhana ($r = .54$).

pelajaran Pendidikan Islam yang tinggi mempunyai kepatuhan kepada disiplin sekolah yang tinggi, manakala pengamatan pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam yang rendah mempunyai kepatuhan kepada disiplin sekolah yang rendah. Hubungan antara pengamatan kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dengan kepatuhan kepada disiplin sekolah sederhana ($r = .54$).

		Pengamatan Pelajar	Kepatuhan Pelajar
Pengamatan Pelajar	Pearson Correlation	1	.519**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	132	132
Kepatuhan Pelajar	Pearson Correlation	.519**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	132	132

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Kesimpulan

Rumusannya, daripada analisis data dan perbincangan terhadap dapatan kajian, secara keseluruhan menunjukkan bahawa keputusan dan pengamatan kepada mata pelajaran Pendidikan Islam mempengaruhi kepatuhan pelajar kepada disiplin di sekolah. Dapat dinyatakan di sini bahawa apabila pelajar-pelajar memahami isi kandungan, silabus dan topik-topik yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, mereka akan memahami tugas mereka sebagai pelajar muslim di dunia ini sekaligus dapat mengurangkan masalah disiplin di sekolah.

Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan antara kepatuhan kepada disiplin sekolah berdasarkan keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara keputusan ujian bagi gred A, B, C, D dan E dengan kepatuhan pelajar kepada disiplin sekolah. Pelajar yang mendapat gred tinggi lebih berdisiplin berbanding pelajar yang mendapat gred rendah. Ini menunjukkan bahawa apabila pelajar-pelajar membaca dan mengingati kandungan kurikulum dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, mereka akan menghayati dan sekali gus mereka menjadi insan yang baik dan bertanggungjawab dalam kehidupan.

Bagi mengatasi masalah disiplin dalam kalangan pelajar, pengamatan mereka kepada mata pelajaran Pendidikan Islam amat penting kepada pengurangan masalah disiplin. Faktor kesedaran dalam diri pelajar merupakan aspek penting yang dapat mempengaruhi pembinaan sahsiah diri pelajar. Pelajar yang tiada kesedaran diri merupakan orang yang gagal manakala pelajar yang mempunyai kesedaran diri tidak akan mempunyai masa untuk melakukan perkara-perkara yang melanggar disiplin sekolah. Pelajar harus bersikap positif untuk mengubah diri agar menjadi insan yang berguna kepada keluarga, bangsa dan negara.

Rujukan

Abdullah Jusuh (1989). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa Pustaka dan KPM.

Abdullah Sani Yahaya. (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Pahang: Bentong

Pts Publication & Distributors Sdn Bhd.

Ahmad Mohd Salleh. (2003). *Pendidikan Islam: falsafah, sejarah dan kaedah pengajaran dan*

pembelajaran. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd

Asmadi Mohamed Naim, Iran Herman, Mohamad khadafi Rofie, Mohd. Nizho Abdul

Rahman & Md.Zawawi Abu Bakar. (2006). *Tahap pengetahuan dan penghayatan agama dan hubungannya dengan ketertiban sosial dan akademi k di kalangan pelajar Islam di IPTA*. Laporan penyelidikan, Universiti Utara Malaysia, Sintok.

Azimah Ghazali (2017, 24 Januari). Transformasi subjek Pendidikan Islam. *Sinar Online*.

Fazlina Abdul Halim (2011). *Penguasaan guru terhadap tatacara pengurusan disiplin*

sekolah: Satu Kajian Kes. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kamarudin Ngah dan Roslim (1990). *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah*

Kerja Luar. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mazlyana Buhari (2011). *Hubungan antara tahap keberkesanan Pendidikan Islam dengan*

personaliti islamik pelajar. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Rosdi Mahamud (2009). *Mata Pelajaran Pendidikan Islam dan Kesannya terhadap*

Peningkatan Disiplin Pelajar: Kajian di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan negeri Perlis. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Sulaiman Masri (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*. Kuala Lumpur:

Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd